

## PENDIDIKAN KEWANGAN, TAHAP LITERASI KEWANGAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN TINGKAH LAKU KEWANGAN USAHAWAN MINI RTC ZON UTARA

(FINANCIAL EDUCATION RESOURCE, LEVEL OF FINANCIAL  
LITERACY AND ITS RELATIONSHIP WITH FINANCIAL BEHAVIOR  
AMONG ENTREPRENEURS AT NORTH ZONE MINI RTC)

Noor Atiqah binti Ab Talib<sup>1</sup>  
Dr. Rusliza binti Yahaya<sup>2</sup>,  
Prof Madya Dr. Mohd Abdullah bin Jusoh<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak,

<sup>1</sup>Email: atiqahatalib2211@yahoo.com.my

<sup>2</sup>Email: rusliza@fpe.upsi.edu.my

<sup>3</sup>Email: mohd.abdullah@fpe.upsi.edu.my

**Accepted date:** 26 August 2017

**Published date:** 2 October 2017

### To cite this document:

Talib, N. A., Yahaya, R., & Jusoh, M. A. (2017). Financial Education Resource, Level of Financial Literacy and Its Relationship with Financial Behaviour among Entrepreneurs at North Zone Mini RTC. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 2 (5), 123-135.

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan serta hubungan antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 254 orang usahawan mini RTC Zon Utara. Hubungan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan serta tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan dianalisis menggunakan statistik inferensi iaitu analisis korelasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan mini RTC Zon Utara. Pendidikan kewangan dan tahap literasi kewangan usahawan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku usahawan bagi menjamin kestabilan perniagaan yang dijalankan. Pengetahuan yang mencukupi dalam bidang kewangan dapat membantu para usahawan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai hal-hal kewangan dalam menjalankan urusan niaga.

**Kata Kunci:** Pendidikan Kewangan, Literasi Kewangan, Tingkah Laku Kewangan.

**Abstract:** This study aimed to identify the level of agreement with the entrepreneur for related educational resources, the level of financial literacy and level of financial behavior of North zone RTC mini entrepreneurs. Relationship and influence between financial education

*resources with the level of financial literacy as well as the level of financial literacy with financial behavior are also reviewed in this study. This study is a survey using a questionnaire as an instrument. Samples of this study involved a total of 254 people of North zone RTC mini entrepreneurs. Level of agreement with the entrepreneur for educational resources relating to finance, financial literacy level and the level of the financial behavior of entrepreneurs is measured by the value of the mean overall dimensions while the relationship and influence between financial education resources with the level of financial literacy and financial behavior of inferential statistics that is analyzed using correlation and regression analysis. The findings showed that the level of agreement with the entrepreneur for educational resources relating to finance, financial literacy level and the level of the financial behavior of entrepreneurs is at a moderate level. The findings also showed that there was significant influence and relationship between financial educational resources with the level of financial literacy and financial literacy levels with financial behavior of North zone RTC's mini entrepreneurs. High level of financial literacy can help entrepreneurs to behave properly and efficiently to solve business problems. Indirectly, this helps the entrepreneur to make the right decisions in business. Therefore, education on finance must be applied since school and organized a campaign finance related to all individuals including entrepreneur to increase the level of financial literacy.*

**Keywords:** *Financial Education, Financial Literacy, Financial Behavior*

---

## **Pengenalan**

Literasi kewangan telah menarik perhatian ramai pengkaji terdahulu untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai kesannya terhadap gaya hidup kewangan masyarakat termasuklah individu, belia, usahawan dan sebagainya. Literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016). Ia menjadi kemahiran asas dan penting untuk mengetahui bagaimana aliran wang seharian, pengurusan pendapatan dan perbelanjaan, pelaburan, pengurusan risiko kewangan yang berkesan dan cara-cara untuk mengelakkan masalah kewangan.

Brown, Saunders dan Beresford (2006) menyatakan bahawa terdapat manfaat penting bagi usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi. Hal ini disebabkan literasi kewangan membantu mereka untuk bertindak dengan cekap di tempat kerja kerana mereka dapat menilai maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan yang memberi kesan kepada kewangan perniagaan yang dijalankan.

Pendidikan kewangan yang didedahkan kepada usahawan mestilah meliputi pelbagai dimensi pengetahuan kewangan seperti literasi kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap terhadap hal-hal berkaitan kewangan (Bushan & Medury, 2014). Oleh hal yang demikian, dalam usaha untuk meningkatkan tahap literasi kewangan usahawan, tumpuan bukan sahaja perlu diberikan kepada pengetahuan kewangan dan kesedaran kewangan, tetapi penilaian tingkah laku kewangan juga haruslah dititikberatkan. Selain itu, hubungan antara sikap kewangan, tingkah laku kewangan dan pengetahuan kewangan perlu dikaji dengan teliti, untuk mengetahui hubungan antara dimensi yang berbeza dalam literasi kewangan ( Bushan & Medury, 2014).

Di Malaysia, bilangan usahawan yang berdaftar sehingga tahun 2016 adalah tinggi iaitu sebanyak 317, 758 perniagaan (Portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia, 2016). Terdapat pelbagai

agensi di Malaysia yang membantu para usahawan dalam menjalankan perniagaan. Antaranya ialah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sebagaimana yang kita ketahui, Mini Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) adalah merupakan satu badan di Malaysia yang menjadi pusat kepada usahawan khususnya penduduk kampung untuk menjalankan perniagaan (Rancangan Malaysia Ke-11, 2016). Mini RTC adalah merupakan penyumbang kepada kelancaran program-program transformasi negara. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Malaysia, Suhaimi Mahmud berkata, mini RTC yang diwujudkan memberi impak ekonomi kepada komuniti setempat melalui pemasaran produk yang dihasilkan penduduk. Oleh yang demikian, latihan pengurusan kewangan perlulah diberikan tumpuan kepada para usahawan mini RTC bagi meningkatkan lagi mutu perniagaan yang dijalankan.

### ***Pernyataan masalah***


Literasi kewangan adalah merupakan aspek yang penting dalam menjamin kestabilan kewangan bagi sesebuah organisasi. Hal ini kerana, Fernandes (2015) mendapati literasi kewangan adalah merupakan satu instrumen penting bagi kejayaan sesebuah perniagaan. Namun, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa literasi kewangan dalam kalangan usahawan berada pada tahap yang membimbangkan sebagaimana kajian Gupta dan Kaur (2014) dan Fatoki (2014) yang menyatakan bahawa usahawan mikro memiliki kemahiran kewangan yang rendah. Selain itu, Oco (2014) menyatakan bahawa usahawan mikro wanita ketinggalan dalam mengadaptasi amalan kewangan secara formal. Kajian Sucuahi (2013) pula menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mikro adalah sederhana serta tidak menunjukkan kesan yang memberangsangkan terhadap pengurusan sumber kewangan mereka. Oleh hal yang demikian, persoalan timbul berkenaan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan di Malaysia khususnya usahawan Mini RTC Zon Utara. Ini berikutan Mini RTC adalah merupakan penyumbang kepada kelancaran program-program transformasi negara. Tambahan pula, kawasan zon utara yang meliputi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara merupakan negeri yang terlibat dalam program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara di mana ianya merupakan satu inisiatif kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap pendapatan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Perkara ini telah menunjukkan bahawa kawasan Zon Utara merupakan kawasan yang penting dalam menjana pendapatan di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Kebanyakan kajian terdahulu yang dijalankan di Malaysia lebih tertumpu kepada golongan belia dan pelajar sahaja sebagaimana kajian yang dijalankan Mohamad Fazli dan MacDonald (2010) serta Mohd. Fazli, Jariah, Laily, Mohd Amim dan Nurkhalila (2007). Namun, kajian mengenai tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan masih lagi terhad. Sepanjang pengamatan pengkaji, masih belum terdapat kajian saintifik yang dijalankan untuk mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.

### ***Kerangka konseptual***

Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka konseptual yang diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Huston (2010) mengenai pengukuran literasi kewangan. Pengkaji mengadaptasi kerangka konseptual dengan mengukur tahap literasi kewangan berdasarkan dua aspek iaitu istilah perniagaan serta isu-isu kewangan dan menjadikan pendidikan kewangan sebagai input yang bertujuan meningkatkan pengetahuan kewangan responden. Seterusnya, pengkaji akan

melihat tingkah laku kewangan responden samada ianya mempunyai hubungan atau sebaliknya dengan tahap literasi kewangan yang dicapai.



Rajah 1 : Kerangka konseptual kajian

### ***Objektif kajian***

Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk menilai tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan. Objektif khusus bagi kajian ini pula adalah untuk :

- 1) Menentukan hubungan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 2) Menentukan hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 3) Menentukan hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan usahawan mini RTC Zon Utara.
- 4) Menentukan hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan simpanan usahawan mini RTC Zon Utara.

### ***Hipotesis kajian***

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan Mini RTC Zon Utara.

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan usahawan Mini RTC Zon Utara.

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap literasi kewangan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan usahawan Mini RTC Zon Utara.

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap literasi kewangan dengan simpanan usahawan Mini RTC Zon Utara.

## **Sorotan Literatur**

### ***Hubungan di antara sumber pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan***

Kefela (2011) menyatakan bahawa isu-isu dalam pendidikan kewangan harus diperluaskan lagi kepada perbincangan mengenai akses kepada sistem kewangan, kekurangan pengetahuan tentang isu-isu kewangan dan salah faham peranan bank. Fokus utama bagi pendidikan kewangan adalah lebih menjurus kepada penyediaan maklumat asas tentang kewangan serta manfaat yang diperoleh daripada institusi perbankan. Wagner (2015) menyatakan bahawa pendidikan kewangan mempunyai hubungan yang positif terhadap tahap literasi kewangan seseorang individu dan juga tingkah laku kewangan yang diamalkan. Hal ini kerana, responden yang mempunyai pendidikan kewangan lebih cenderung untuk menjawab soalan dengan tepat.

Njoroge (2013) mendapati bahawa literasi kewangan berkait rapat dengan pendidikan yang diterima oleh seseorang kerana usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah disebabkan tahap pendidikan yang rendah manakala usahawan yang berpendidikan tinggi mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendidikan yang tinggi secara tidak langsung dapat mempengaruhi kejayaan sesebuah perniagaan. Guliman (2015) mendapati terdapat hubungan yang positif antara pendidikan kewangan dengan tahap pengetahuan usahawan di bandar Iligan, Filipina dalam hal-hal kewangan. Dapatan ini dapat dibuktikan apabila usahawan yang mempunyai peringkat pengajian yang lebih tinggi mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih tinggi. Sucuahi (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa pencapaian pendidikan menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap literasi kewangan. Hasil kajian mendapati usahawan mikro yang mendapat pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat kolej mempunyai tahap literasi kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan pendidikan yang rendah.

### ***Hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan***

Bushan dan Medury (2014), menyatakan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan kewangan dengan tingkah laku kewangan usahawan. Kajian mereka telah mendapati terdapat beberapa sokongan yang menunjukkan tahap pengetahuan kewangan yang tinggi akan membawa kepada tingkah laku kewangan yang positif. Tahap literasi kewangan bagi usahawan mikro adalah berada pada tahap yang rendah (Fatoki, 2014). Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan usahawan mikro tidak mengamalkan perancangan kewangan, belanjawan dan kawalan secara formal serta menyimpan hanya sebilangan buku-buku akaun. Fenomena ini secara tidak langsung menjadikan kadar kegagalan usahawan mikro berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana, tahap literasi kewangan yang baik akan memberikan kesan yang positif kepada keupayaan untuk menghasilkan kewangan serta menjamin kesejahteraan perniagaan.

#### *i. Hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan*

Kemahiran pengurusan kewangan adalah merupakan elemen yang penting dalam mendisiplinkan seseorang individu untuk mencapai kehidupan yang berkualiti (Dahlia, Rabitah & Zuraidah, 2009). Menurut Samkin, Pitu dan Low (2014), kemahiran kewangan penting bagi seseorang pemilik perniagaan kecil untuk menjalankan perniagaan mereka. Kemahiran literasi

kewangan yang baik dapat membina keupayaan untuk lebih memahami dan menguruskan risiko kewangan serta dapat mengambil kesempatan daripada peningkatan persaingan dan pilihan dalam sektor kewangan (Kefela,2011). Njoroge (2013) mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap literasi kewangan dengan kejayaan yang dikecapi oleh seseorang usahawan. Dapatan menunjukkan perniagaan yang berjaya dikendalikan oleh usahawan yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi dan memahami konsep-konsep kewangan seperti pengurusan risiko, kadar faedah dan pasaran kewangan. Literasi kewangan juga membantu usahawan dalam kemahiran untuk membuat keputusan seperti pelaburan serta pinjaman (Njoroge, 2013).

Taft, Hosein, Mehrizi dan Roshan (2013) menyatakan bahawa segala kerugian, keuntungan dan peristiwa kewangan harian adalah bergantung kepada kemahiran pengurusan kewangan yang diamalkan. Walaubagaimanapun, dapatan ini menegaskan bahawa kemahiran pengurusan kewangan yang cekap adalah disebabkan tahap literasi kewangan yang tinggi.

ii. *Hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan*

Gowri (2013) menyatakan bahawa literasi kewangan dapat dikaitkan dengan perancangan hidup yang lebih baik termasuklah bagi persaraan dan pembuatan keputusan kewangan. Oleh itu, bidang kewangan adalah merupakan aspek yang sangat penting bagi permulaan kejayaan seseorang. Tuyisenge, Mugambi dan Kemirembe (2015) mendapati bahawa literasi kewangan dapat membantu menambah baik belanjawan bagi sesebuah perniagaan. Hal ini kerana, belanjawan yang dibuat dapat mengurangkan kos dalam sesebuah perniagaan dan seterusnya para usahawan dapat membuat perancangan terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran balik sesuatu pinjaman. Lusardi (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa literasi kewangan dapat memberi kesan kepada perancangan seseorang individu. Literasi kewangan menjadi penentu penting bagi sesebuah perancangan yang dilakukan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa literasi kewangan sememangnya memberikan pengaruh yang besar kepada perancangan seseorang individu terutamanya kepada usahawan dalam membuat perancangan bagi perniagaan yang dijalankan.

Shahrabani (2012) pula mendapati bahawa sikap yang positif terhadap pengurusan kewangan dapat mengawal belanjawan peribadi seseorang tanpa hutang yang banyak. Semakin baik sikap seseorang individu terhadap pengurusan kewangan, semakin baik kawalan belanjawan oleh seseorang individu. Ware dan Wanjira (2013) menyatakan bahawa penglibatan pekerja dalam penyediaan belanjawan bagi perniagaan kecil dan sederhana adalah negatif. Dapatan tersebut telah menyimpulkan sekiranya seseorang usahawan melibatkan diri dalam penyediaan belanjawan, maka secara tidak langsung prestasi perniagaan yang dijalankan berada dalam keadaan baik. Perkara ini menunjukkan belanjawan yang disediakan bagi sesebuah perniagaan adalah penting dalam mempengaruhi kestabilan perniagaan yang dijalankan.

iii. *Hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan simpanan*

Abebe, Tekle dan Mano (2016) menyatakan bahawa simpanan merupakan satu aspek yang penting bagi perusahaan mikro dan kecil disebabkan beberapa sebab. Antaranya ialah simpanan dapat dijadikan sebagai satu cara untuk membina modal yang mencukupi untuk mengatasi masalah kekangan kredit yang biasa dihadapi oleh perusahaan mikro dan kecil. Kebanyakan

usahawan yang beroperasi dalam perusahaan kecil mempunyai akses yang terhad dalam sebarang jenis perkhidmatan perbankan (Abebe, Tekle & Mano, 2016). Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan instrumen simpanan seperti akaun bank akan membuka peluang kepada mereka untuk mendapatkan kredit pada masa hadapan. Dapatan kajian Beckmann (2013) pula mendapati literasi kewangan memberikan kesan yang positif kepada amalan penyimpanan seseorang individu. Individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi lebih cenderung untuk mengamalkan simpanan kewangan terutamanya sebagai persediaan untuk menghadapi persaraan. Clark dan Madeleine (2008) pula menyatakan bahawa tahap literasi kewangan dan program penyimpanan sangat berkesan bagi mengelakkan masalah kekurangan dalam simpanan.

Di samping itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Jappulli dan Padula (2012) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap literasi kewangan dengan simpanan seseorang individu dan secara tidak langsung literasi kewangan memberi hubungan kepada kitaran hidup seseorang individu. Lusardi (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa proses penyimpanan memerlukan seseorang individu untuk memiliki pengetahuan tentang numerasi, keupayaan untuk mengira nilai semasa dan pemahaman yang jelas tentang kebaikan untuk membuat simpanan pada awal kehidupan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tahap pengetahuan seseorang dalam bidang kewangan atau tahap literasi kewangan mereka adalah penting dan mempengaruhi seseorang individu terutamanya usahawan untuk memulakan penyimpanan dalam kehidupan mahupun perniagaan yang mereka jalankan.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menguji hipotesis yang dicadangkan. Seramai 254 orang responden yang terdiri daripada usahawan mini RTC Zon Utara terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu dengan menjalankan soal selidik terhadap responden. Borang soal selidik yang terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Bahagian A terdiri daripada latar belakang responden iaitu jantina, bangsa umur, status, peringkat pengajian dan bidang pengajian responden. Bahagian B, C, dan D pula masing-masing terdiri daripada soalan berkaitan pendidikan kewangan, literasi kewangan serta tingkah laku kewangan responden. Pengkaji telah mengadaptasi dan mengubahsuai soal selidik daripada kajian-kajian terdahulu. Antaranya ialah daripada Ansong dan Gyensare (2012) yang berkaitan mengenai pendidikan kewangan manakala kajian daripada Fatoki (2014) serta Mohd. Fazli, Jariah, Laily, Mohd Amim dan Nurkhalila (2007) mengenai literasi kewangan. Soalan berkaitan tingkah laku kewangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kemahiran pengurusan kewangan, perancangan, belanjawan dan kawalan serta simpanan. Soalan-soalan ini telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian yang dijalankan oleh Peny (2011), Fatoki (2014) serta Gupta dan Kaur (2014).

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang peniaga kecil di Tanjung Malim, Perak sebelum soal selidik diedarkan bagi tujuan sebenar. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh bagi setiap pemboleh ubah bagi kajian ini adalah seperti jadual 1. Dapatan yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan bagi istilah kewangan, kemahiran pengurusan kewangan serta perancangan kewangan, belanjawan dan kawalan adalah sangat tinggi manakala pekali kebolehpercayaan bagi isu kewangan dan simpanan adalah berada pada tahap yang tinggi. Pekali kebolehpercayaan bagi pendidikan kewangan pula adalah sederhana.

**Jadual 1 : Nilai cronbach alfa dimensi**

<b>Item</b>	<b>Nilai Cronbach Alfa (kebolehppercayaan)</b>
<b>Pendidikan Kewangan</b>	0.612
<b>Literasi Kewangan</b>	
Istilah perniagaan	0.978
Isu kewangan	0.864
<b>Tingkah laku kewangan</b>	
Kemahiran pengurusan kewangan	0.966
Perancangan kewangan, belanjawan dan kawalan	0.950
Simpanan	0.774

Semua data yang dikumpulkan akan dianalisis untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Analisis data akan melibatkan analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi iaitu analisis korelasi dan regresi. Bagi analisis korelasi dan regresi, pengkaji menggunakan aras signifikan 0.05 ( $p < 0.05$ ) Menurut Bailey (2007), aras signifikan 0.05 biasanya digunakan untuk kajian tinjauan.

## **Dapatan dan Perbincangan**

### *Latar belakang responden*

Jadual 2 di bawah menunjukkan latar belakang responden bagi kajian ini. Sebanyak 68.9% daripada responden terdiri daripada usahawan perempuan. Sebanyak 95.3 responden terdiri daripada bangsa Melayu manakala responden yang berbangsa Cina adalah sebanyak 3.9%. Jumlah responden yang paling sedikit adalah terdiri daripada lain-lain bangsa iaitu sebanyak 0.8%. Kebanyakan (31.5%) daripada responden adalah berumur kurang daripada 30 tahun. 55.1% mempunyai peringkat pengajian tertinggi adalah SPM manakala kebanyakan daripada responden mengikuti bidang pengajian bukan perniagaan/perakaunan iaitu sebanyak 79.9%.

**Jadual 2 : Latar belakang responden**

		<b>Kekerapan (n=254)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>JANTINA</b>	Lelaki	79	31.1
	Perempuan	175	68.9
<b>BANGSA</b>	Melayu	242	95.3
	Cina	10	3.9
	India	0	0
	Lain-lain	2	0.8
<b>UMUR</b>	<30 tahun	80	31.5
	31-35 tahun	51	20.1
	36-40 tahun	31	12.2
	41-45 tahun	39	15.4
	46-50 tahun	30	11.8
	>50 tahun	23	9.1
<b>PERINGKAT PENGAJIAN</b>	UPSR/PMR	65	25.6
	SPM	140	55.1



	Diploma	28	11.0
	Ijazah	10	3.9
	Master/PhD	11	4.3
<b>BIDANG</b>	Perniagaan/Perakaunan	51	20.1
<b>PENGAJIAN</b>	Bukan	203	79.9
	Perniagaan/Perakaunan		

### ***Hubungan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan***

Jadual 3 menunjukkan nilai korelasi Pearson antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan Mini RTC Zon Utara. Nilai korelasi ( $r = 0.435$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ) menunjukkan hubungan korelasi adalah signifikan. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Nilai pekali korelasi  $r = 0.435$  adalah kategori hubungan korelasi sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan usahawan Mini RTC Zon Utara.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh Wagner (2015), Guliman (2015) serta Sucuahi (2013) yang mendapati terdapat hubungan yang positif antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan usahawan. Usahawan yang mempunyai pendidikan kewangan lebih cenderung untuk menjawab soalan berkaitan kewangan dengan lebih tepat. Secara tidak langsung, situasi ini dapat meningkatkan tahap literasi kewangan yang dicapai oleh setiap usahawan. Secara jelasnya, usahawan yang berpendidikan lebih tinggi memiliki tahap literasi kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan usahawan yang berpendidikan rendah.

**Jadual 3 : Hubungan antara pendidikan kewangan dengan tahap literasi kewangan**

<b>Pendidikan Kewangan</b>	<b>Literasi Kewangan</b>	
	Korelasi Pearson (r)	0.435
Nilai Sig. (p)	0.000	

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

### ***Hubungan antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan, perancangan, belanjawan dan kawalan dan simpanan***

Jadual 4 di bawah menunjukkan nilai korelasi Pearson antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan, perancangan, belanjawan dan kawalan serta simpanan. Berdasarkan jadual, ( $r = 0.644$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ), hubungan korelasi antara literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan adalah signifikan. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan. Nilai pekali korelasi  $r = 0.644$  adalah kategori hubungan korelasi sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan.

Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Samkin, Pitu dan Low (2014) di mana literasi kewangan yang baik dalam kalangan usahawan dapat membina keupayaan untuk lebih memahami hal-hal berkaitan kewangan serta bijak mengambil kesempatan daripada peningkatan persaingan dan pilihan dalam sektor kewangan. Ini menunjukkan kemahiran pengurusan kewangan penting bagi setiap usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka. Taft, Hosein, Mehrizi dan Roshan (2013) juga turut menegaskan kemahiran pengurusan kewangan yang cekap adalah disebabkan tahap literasi kewangan yang tinggi.

Nilai korelasi Pearson antara tahap literasi kewangan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan juga turut menunjukkan hubungan korelasi adalah signifikan. Berdasarkan jadual, ( $r = 0.627$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ), keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan. Nilai pekali korelasi  $r = 0.627$  adalah kategori hubungan korelasi sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara literasi kewangan dengan perancangan, belanjawan dan kawalan.

Dapatan ini selari dengan kajian Tuyisenge, Mugambi dan Kemirembe (2015) yang mendapati literasi kewangan dapat menambah baik belanjawan bagi sesebuah perniagaan. Oleh itu, pengkaji dapat membuktikan bahawa perancangan, belanjawan dan kawalan sememangnya dipengaruhi oleh literasi kewangan yang dimiliki oleh setiap usahawan. Dapatan kajian ini juga turut disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Uwonda, Okello dan Okello (2013) di mana mereka mendapati pengetahuan kewangan yang dimiliki usahawan mempengaruhi mereka untuk menguruskan aliran tunai. Kekurangan pengetahuan kewangan yang dimiliki menjadikan para usahawan untuk tidak menjalankan belanjawan secara berterusan.

Nilai korelasi Pearson antara tahap literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan juga menunjukkan hubungan korelasi adalah signifikan. Berdasarkan jadual, ( $r = 0.407$ ,  $p = 0.000$ ,  $p < 0.05$ ), keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara literasi kewangan dengan simpanan. Nilai pekali korelasi  $r = 0.407$  adalah kategori hubungan korelasi sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara literasi kewangan dengan simpanan.

Dapatan ini secara tidak langsung menyokong kajian yang dijalankan oleh Taft, Hosein, Mehrizi dan Roshan (2013) yang menyatakan tahap literasi kewangan usahawan dapat memberi peningkatan kepada simpanan, keputusan pembelian yang betul, pelaburan yang betul, pengurusan aset, penggunaan insurans, pengurusan kredit dan meningkatkan kesejahteraan kewangan. Perkara ini turut memberi pengaruh kepada kejayaan dalam aktiviti ekonomi perniagaan yang dijalankan.

**Jadual 4 : Hubungan antara literasi kewangan dengan kemahiran pengurusan kewangan, perancangan, belanjawan dan kawalan serta simpanan**

<b>Literasi Kewangan</b>	<b>Kemahiran Pengurusan Kewangan</b>	<b>Perancangan, Belanjawan dan Kawalan</b>	<b>Simpanan</b>
Korelasi Pearson (r)	0.644	0.627	0.407
Nilai Sig. (p)	0.000	0.000	0.000

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$

## **Kesimpulan**

Kajian terdahulu banyak menunjukkan kesan-kesan literasi kewangan terhadap gaya hidup kewangan masyarakat termasuklah individu, belia, usahawan dan sebagainya. Hal ini kerana, literasi kewangan dapat membantu setiap individu khususnya golongan usahawan untuk membuat keputusan kewangan yang efektif dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan tahap literasi kewangan usahawan dipengaruhi oleh pendidikan kewangan yang diterima. Semakin tinggi tahap pendidikan kewangan diterima, semakin tinggi tahap literasi kewangan yang dimiliki oleh usahawan. Pendidikan kewangan yang mencukupi dalam diri setiap usahawan menjadikan mereka lebih memahami istilah-istilah serta isu-isu kewangan yang terdapat dalam urusan perniagaan harian. Kajian ini juga turut menunjukkan tahap literasi kewangan sememangnya mempengaruhi tingkah laku kewangan yang diamalkan usahawan sama ada dari aspek kemahiran pengurusan kewangan, perancangan, belanjawan dan kawalan mahupun simpanan. Semakin tinggi tahap literasi kewangan usahawan, semakin baik tingkah laku kewangan yang diamalkan. Tingkah laku kewangan yang baik ini secara tidak langsung memberikan pengaruh yang positif dalam menjamin kestabilan perniagaan yang dijalankan.

Terdapat pelbagai perkara yang dapat dilakukan untuk meningkatkan lagi tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat di Malaysia tidak kiralah samada individu, pelajar mahupun usahawan. Secara umumnya, pendidikan mengenai pengetahuan kewangan haruslah diterapkan kepada setiap individu bermula dari bangku sekolah. Ini bermakna pendidikan berkaitan kewangan di sekolah haruslah dititikberatkan. Antaranya ialah dengan memasukkan subtopik berkenaan kewangan dalam mata pelajaran asas yang terdapat di sekolah. Perkara ini boleh dilanjutkan dalam pendidikan pada masa kini termasuklah pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi.

## **Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian mengenai literasi kewangan juga boleh diberi tumpuan kepada pebezaan tahap literasi kewangan antara usahawan yang berada di luar bandar dan di bandar. Antara aspek penyelidikan yang dapat diterokai pengkaji adalah dari segi tahap hutang, pembayaran hutang, pelaburan dan rekod kredit antara kedua-dua responden tersebut. Kajian seterusnya juga boleh dilakukan sekiranya terdapat perbezaan jantina dalam tahap literasi kewangan. Pengkaji boleh membangunkan model berkaitan literasi kewangan terhadap pemilik perniagaan di mana perkara ini dapat dijadikan sebagai satu penyelidikan yang terbaik dan dapat memberi input yang bermanfaat kepada golongan usahawan serta pemilik perniagaan. Kajian pada masa hadapan juga dapat dilakukan untuk mengetahui kesan tahap literasi kewangan dalam kalangan usahawan dalam mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesuatu perniagaan dan seterusnya bagaimana tahap literasi kewangan membantu mereka untuk membuat keputusan dalam mengakses kewangan ke luar negara.

## **Rujukan**

Abebe, G., Tekle, B & Mano, Y. (2016, April). Changing Saving and Investment Behavior: The Impact of Financial Literacy Training and Reminders on Micro-Businesses. *CSAE Working Paper WPS/2016-08*. U. K.

- Ansong, A. & Gyensare, M.A. (2012). Determinants of University Working-Students' Financial Literacy at the University of Cape Coast, Ghana. *International Journal of Business and Management*, 7(9), 126-133.
- Bailey, C. A. (2007). *A Guide to Qualitative Field Research* (Second Edition). London. Pine Forge Press.
- Bekmann, E. (2013). Financial Literacy and Household Savings in Romania. *Advancing Education in Quantitative Literacy*, 6(2), 1-22.
- Brown, R.B., Saunders, M. N. K. & Beresford, R (2006) You Owe It to Yourself: The Financially Literate Manager. *Accounting Forum*, 30(2), 179-191.
- Bushan P. & Medury Y. (2014). An Empirical Analysis of Inter Linkages Between Financial Attitudes, Financial Behaviour and Financial Knowledge of Salaried Individuals. *Indian Journal of Commerce & Management Studies*, 5(3), 58-64.
- Clark, R. L., & Madeleine, C. ( 2008). *Ignorance is Not Bliss: The Importance of Financial Education*. TIAA-CREF Research Dialogue No. 78. New York, : Teachers Insurance and Annuity Association.
- Dahlia, I., Rabitah, H. & Zuraidah, M. I. (2009). A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students. *Cross-cultural Communication*, 5(4), 51-59.
- Fatoki, O. (2014). The Financial Literacy of Micro Entrepreneurs in South Africa. *Journal of Social Sciences*, 40 (2), 151-158.
- Fernandes, T. I. M. (2015). Financial Literacy Levels of Small Businesses Owners and it Correlation with Firms Operating Performance. *Tesis Ijazah Sarjana*. Faculdade de Economia do Porto.
- Gowri, M. (2013). A Study on Financial Literacy among Young Employees in Coimbatore City, 3-8.
- Guliman, S. D. O. (7 Februari 2015). An Evaluation of Financial Literacy of Micro and Small Enterprise Owners in Iligan City: Knowledge and Skills. *9th Global Business Conference*. Filipina.
- Gupta, K. & Kaur, J. (2014). A Study of Financial Literacy among Micro Entrepreneurs In District Kangra. *International Journal of Research in Business Management*, 2 (2), 63-70.
- Huston, S. J. (2010). Measuring Financial Literacy. *The Journal Of Consumer Affairs*. 44 (2), 296-316.
- Kefela, G. (2011). Implications of Financial Literacy in Developing Countries. *African Journal of Business Management*, 5(9), 3699-3705.
- Jappelli, T. & Padulla, M. (2012). Investment in Financial Literacy and Saving Decisions
- Lusardi, A. (2008). Financial Literacy: An Essential Tool for Informed Consumer Choice?. *CFS Working Paper No. 2008/19*.
- Mohamad Fazli, S. & MacDonald. (2010). Saving Behavior and Financial Problems among College Students : The Role of Financial Literacy in Malaysia. *Cross-cultural Communication*, 103-110.
- Mohd. Fazli, S., Jariah, M., Laily, P., Mohd. Amim, O. & Nurkhalila, N. (2007). *Kajian Keteguhan Kewangan di kalangan Belia*. Universiti Putra Malaysia
- Murugiah, L. (2016). The Level of Understanding and Strategies to Enhance Financial Literacy among Malaysian. *International Journal of Economics and Financial Issues*, 6(S3), (130-139).
- Njoroge, R. M. (2013). Relationship between Financial Literacy and Entrepreneurial Success in Nairobi County Kenya. *Tesis Ijazah Sarjana*. University of Nairobi.

- Oco, M.C.N (2014). Financial Literacy Assessment in Record Keeping among Women Micro-entrepreneurs: Basis for Literacy Enhancement Program. *Proceedings of 7th Asia-Pacific Business Research Conference*.
- Portal Suruhanjaya Syarikat Malaysia. (2016).
- Rancangan Malaysia Ke-11. (2016).
- Phenya, A. (2011). *An Assessment of the Financial Management Skills of Small Retail Business Owners/Managers in Dr Js Moroka Municipality*. Tesis Ijazah Sarjana. University of South Africa.
- Samkin, G., Pitu, E. & Low, M. (2014). Identifying the Financial Literacy Skills Necessary to Run a Small New Zealand Business. *e-Journal of Business Education & Scholarship of Teaching*, 8(1), 44-66.
- Shahrabani, S. (2012). The Effect of Financial Literacy and Emotions on Intent to Control Personal Budget: A Study among Israeli College Students. *International Journal of Economics and Finance*, 4(9), 156-163.
- Sucuahi, W.T. (2013). Determinants of Financial Literacy of Micro Entrepreneurs in Davao City. *International Journal of Accounting Research*, 1 (1), 44-51.
- Sundarasan, S. D. D. , Muhammad Sabbir, R., Rajangam, N. & Sellappan, R. (2014). 'Cradle to Grave' Financial Literacy Programs and Money Management. *International Journal of Economics and Finance*, 6(6), 240-246.
- Taft, M. Z., Hosein, Z. Z., Mehrizi, S. M. T. & Roshan, A. (2013). The Relation between Financial Literacy, Financial Wellbeing and Financial Concerns. *International Journal of Business and Management*, 8(11), 63-75.
- Tuyisenge, H. J., Mugambi, F. & Kemirembe, O. M. (2015). The Role of Financial Literacy on Loan Repayment among Small and Medium Entrepreneurs in Rwanda Case Study: Urwego Opportunity Bank. *International Journal of Small Business and Entrepreneurship Research*, 3(5), 33-66.
- Uwonda, G., Okello, N. & Okello, N. G. (2013). Cash Flow Management Utilization by Small Medium Enterprises (SMEs) in Northern Uganda. *Merit Research Journal of Accounting, Auditing, Economics and Finance*, 1(5). 67-80
- Wagner, J. F. (2015). An Analysis of the Effects of Financial Education on Financial Literacy and Financial Behaviors. *Tesis Doktor Falsafah*. University of Nebraska.
- Warue, B. N. & Wanjira, T. V. (2013). Assessing Budgeting Process in Small and Medium Enterprises in Nairobi's Central Business District: A Case Of Hospitality Industry. *International Journal of Information Technology and Business Management*, 17(1), 1-11.